

Al-Quran sumber penting bina tamadun ummah

BH
31/7/2015

m15 49

Al-Quran memainkan peranan penting dalam pembinaan tamadun Islam supaya umatnya terus belajar, mengkaji dan mencari ilmu"

Al-Quran bukan sahaja sebagai jalan untuk manusia berinteraksi dengan

Asas utama perundangan, sistem ekonomi termaktub dalam Kitab Suci



Membaca al-Quran mampu meningkatkan keimanan seseorang Mukmin.

[GAMBAR HIASAN]

Meningkap definisi al-Quran menurut Sheikh Ali as-Sobuni, ia adalah kalam Allah SWT yang dikurniakan kepada Nabi Muhammad SAW sebagai mukjizat melalui malaikat Jibril, diturunkan melalui jalan mutawatir dan membacanya dikira ibadah, dimulai dengan surah al-Fatihah dan diakhiri surah an-Nas.

Ketahuilah, mukjizat agung ini anugerah istimewa khusus kepada umat Nabi Muhammad SAW. Bukan sahaja membaca beroleh pahala, tetapi melihat dan mendengar

hala, tetapi melihat dan mendengar juga diberi ganjaran pahala. Allah SWT dan Rasul-Nya memberikan jaminan syafaat begitu banyak hanya dengan membaca al-Quran.

Jangan sesekali kita memberatkan hati untuk menyibukkan diri mendekati al-Quran. Renungkanlah hadis riwayat Imam Muslim daripada Abu Umamah al-Bahili, Nabi SAW bersabda: "Bacalah al-Quran kerana ia akan datang pada Hari Akhirat kelak sebagai pemberi syafaat kepada tuannya."

Al-Quran yang juga mukjizat teragung dan abadi berperanan memandu manusia ke jalan yang benar dan membebaskan manusia daripada azab api neraka. Persoalannya, adakah kita benar-benar mengikuti petunjuk al-Quran?

Al-Quran memainkan peranan penting dalam aspek kehidupan manusia, termasuk ekonomi. Al-Quran bukan sahaja sebagai jalan untuk manusia berinteraksi dengan Allah SWT bahkan ia menyediakan garis panduan membentuk masyarakat menegakkan keadilan dan menghapuskan penindasan dalam muamalat.

Zaman jahiliah menyaksikan sistem ekonomi yang berteraskan riba dan penindasan, namun al-Quran membawa sistem ekonomi Islam yang bebas riba, penindasan, penipuan serta paksaan. Al-Quran juga menetapkan prinsip ekonomi Islam berteraskan akhlak, keadilan sejagat, pengagihan kekayaan secara adil.

Justeru, sistem ekonomi seperti kapitalis dan sosialis sememangnya

tidak diketahuinya." (Surah al-'Alaq, ayat 1-5)

Masyarakat Islam khususnya di negara ini terdiri daripada pelbagai bangsa dan keturunan dengan majoritinya adalah Melayu. Kepelbagaian ini mewujudkan jurang perbezaan antara kaum dari segi aspek sosial, adat dan pemikiran.

Teguh keyakinan

Pendidikan berupaya memelihara dan memancarkan nilai asas di samping menjadi teras kepada pembangunan masyarakat dan negara. Al-Quran mendidik manusia menjalani kehidupan di dunia dengan sebaik mungkin, di samping meneguhkan keyakinan terhadap hari pembalasan yang pasti berlaku.

Melalui konsep ta'alim, tarbiyah dan ta'dib, al-Quran menerapkan ilmu berkaitan fardu ain iaitu tauhid, fiqh, akhlak serta akidah, juga ilmu fardu kifayah seperti perniagaan, kedokteran, ekonomi, fizik, astronomi dan sebagainya.

Al-Quran memainkan peranan penting dalam pembinaan tamadun Islam supaya umatnya terus belajar, mengkaji dan mencari ilmu.

Firman Allah SWT yang bermaksud: "Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Dia menciptakan manusia daripada sebeku darah beku. Bacalah dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Dia mengajarkan manusia apa yang

tidak diketahuinya." (Surah al-'Alaq, ayat 1-5)

Namun, Allah SWT memberi panduan dan pengajaran kepada umat Islam melalui al-Quran supaya perbezaan itu dapat diharmonikan.

Al-Quran sangat mementingkan aspek persaudaraan, perdamaian, kebersamaan, tolak-ansur, tolong-menolong dan belas kasihan.

Al-Quran juga mendidik manusia supaya menghindari daripada perpecahan, perbalahan, kezaliman, diskriminasi, perbuatan khianat, dengki dan lain-lain.

Ingatlah pesan Allah SWT yang bermaksud: "Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami menciptakan kamu lelaki dan perempuan dan Kami menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan. (dan bera-mah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah SWT ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah SWT Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadilan dan amalan kamu)." (Surah al-

Hujurah, ayat 13)

Allah SWT Maha Pencipta menjadikan manusia dan sekalian makhluk di dunia ini, maka Dialah juga yang menetapkan peraturan wajib dipatuhi oleh setiap makhluk-Nya. Melalui al-Quran, Allah SWT memandu kehidupan manusia dengan menetapkan peraturan berkaitan ibadah, munakahat, jinayat dan muamalat.

Asas perundangan Islam

Justeru, al-Quran menjadi asas utama kepada perundangan Islam. Dasar perundangan yang dinyatakan oleh al-Quran sentiasa memberi keadilan mutlak kepada seluruh manusia dan memelihara maqasid syariah iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Hayati firman Allah SWT yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah SWT menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah SWT menyuruh) kamu menghukum dengan adil." (Surah an-Nisa', ayat 58)

Sudah sampai masa dan ketikanya kita mempertingkatkan amalan membaca al-Quran dalam masyarakat. Janganlah kita terus membaca al-Quran tanpa memahami dan menghayatinya. Ingatlah, hak al-Quran mesti sentiasa dibaca dan difahami.



Sumber

Khutbah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan



Allah SWT bahkan ia garis panduan bentuk masyarakat, tegakkan keadilan dan hapuskan penindasan dalam muamalat"



Al-Quran memberi keadilan mutlak kepada seluruh manusia dan memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta"